



CINTA TAK BISA DIPOLITIKKAN

Oleh: Rosie Haslinda Nasir

POLITIK tidak pernah sebegitu dekat dengan hati saya 40 tahun sebelum ini, tidak sehingga saya mempunyai suami. Satu-satunya kenangan tentang politik yang saya ada hanyalah kenangan sewaktu kecil dulu. Di dalam kereta Fiat putih kotak mancis (saya dan kakak yang menggelarnya kotak mancis), abah memandu membawa saya berputar-putar mengelilingi Bandar Melaka, melihat-lihat orang tua dan orang muda menggantung bendera dan poster, silang bersilang dari pokok ke pokok, dari tiang lampu ke tiang lampu.

“Kenapa dia gantung banyak sangat bendera, abah?” Tanya saya, dan saya ingat lagi abah menjawabnya begini: “Sebab kita dah dekat pilihanraya. Sekarang musim orang berpolitik. Ini kerja orang tua-tua. Budak-budak tak boleh campur.”



Hari ini, saya tidak lagi melihatnya dari jauh. Hari ini, sewaktu artikel ini ditulis, kerajaan baharu 2023 baru terbentuk. Dan bermacam percaturan politik berlaku di hadapan mata saya. Dan kerananya juga saya segera terkilatkan Riduan, seorang kenalan, yang bermain cinta dan mengurus perasaan keluarganya seperti bermain politik juga. Lafaz akad nikah Riduan dan Sara sudah tinggal memori, dan perceraian kasih itu dirasmikan dengan satu kiriman WhatsApp sahaja. Namun tidak sampai tempoh setengah tahun itu, Riduan membuat beberapa percubaan memburuk-burukkan nama Sara, cerita teman saya, macam orang berpolitiklah, katanya lagi.



Dahulu, menurut Riduan, kala masih bersama, bukannya aku tidak pernah lihat bagaimana Sara mengadun dan mengurus rumah serta segala isu domestik rumahtangga. Bangun pagi jangankan kata Subuh gajah, bapa dinasour pun belum tentu lagi, kerana Sara memang punya tabiat bangun tidur kurang sedikit jam 10.00 pagi, dan awal sedikit pada setiap hari Isnin hingga Jumaat kerana masih bertanggungjawab di tempat kerja.



Isteri apa itu? Kempen Riduan lagi. Perawan sunti, andartu dan emak-emak janda pun tahu malu, tahu buang selimut kalau hari sudah pagi dan segera turun ke tanah andai matahari lebih tinggi daripada pokok kelapa. Sudahlah malas bangun pagi, malasnya mengendali hal-ehwal dapur juga satu malapetaka, kempen Riduan lagi, berapi-api. Ayam masak kicap yang pernah dimasak Sara seminggu yang dulu, masih cantik terhidang di dalam pinggan, diparkir elok di atas tong gas, dan ush-ush-ushhh, yang paling Riduan tidak tahan, ayam masak kicap Sara sudah keluar cendawan, sudah keluar fungus seperti eksperimen di makmal sains sekolah.

Dan oleh kerana resmi serta personaliti Riduan memang begitu, maka kelakuannya dalam keluarga sendiri juga dua kali lima. Semenjak ayah Riduan berkahwin dua, ibu tiri Riduan datang mencari damai, merayu restu. Si ibu tiri ini memohon izin untuk berkongsi suami, lalu dia berteleku mengucup tangan dan menyerah perasaan kepada ibu kandung Riduan yakni madunya. Kendatipun begitu, si ibu tiri ini turut terpalit menjadi bahan kempen Riduan. Dia diuar-uarkan sebagai wanita pemain sihir. Pengamal ilmu pengasih.



Begitulah Riduan, dengan kempen-kempen anticintanya. Peribadi mantan isteri ditelanjangbulatkan. Pintu hemah buruk Sara dibuka besar luas-luas supaya semua orang boleh melihatnya. Bendera damai ibu tiri dicarik, dirobek diinjak-injak.

Cinta tak bisa dipolitikkan. Jika kita membenarkan ia berlaku, maka seseorang pasti kalah, dalam keadaan yang paling miskin dan mengaibkan. Begitulah dunia. Kebaikan, begitu cepat dilupakan, dan terlupus daripada ingatan. Kejahatan, kekurangan, kebobrokan, keburukan — lekas berbekas lantas menjadi sebutan. Enam bulan selepas dijatuhi talak, saya diberitahu, Sara kembali berumahtangga, dengan sahabat baik Riduan — orang yang selama ini mendengar kempen-kempen Riduan memburukkan nama Sara siang dan malam.



Dan sebulan selepas pernikahan, Sara bunting pelamin! Selepas segala kempen politik Riduan bahawa Sara itu mandul, Sara itu tidak subur, bahkan tidak berdaya memberikan rumah kepada benih-benih perkasanya.

Riduan terselepek mendengarnya.

Si ibu tiri pula rupanya akrab dengan ibu kandung Riduan. Madu baharu itu kini teman berdamping ke masjid dan kuliah-kuliah agama. Sahabat baharu penyucian jiwa di kelas mengaji, bahkan sama-sama berangkat mengikut bapa Riduan ke Tanah Suci Mekah untuk ibadah haji kedua kali.

Persahabatan baharu yang paling tidak dijangka itu bagi hempedu lekat di hati. Namun ibu kandung Riduan tetap sebal dan diberitakan berjauh hati. Kecewa kerana berasakan Riduan tidak berlapang dada melestari ukhuwah baharu, sedangkan madu itulah yang menjaga sakit-peningnya sewaktu dia terlantar lama di hospital kerana serangan angin ahmar sedangkan Riduan ghaib entah ke mana.



Soalnya di sini, siapakah akhirnya yang paling kecewa dan hidup sengsara kerana terlanjur memetik duri? Saya tidak mahu menjawabnya. Anda pun tahu jawapannya.

Dalam cinta itu ada denyut darah dan daging kita. Dalam cinta itu ada syurga ada neraka kita.

Dalam cinta itu ada segala-galanya. 

**CINTA TAK BISA
DIPOLITIKKAN.
JIKA KITA
MEMBENARKAN IA
BERLAKU, MAKA
SESEORANG PASTI
KALAH, DALAM
KEADAAN YANG
PALING MISKIN
DAN MENGAIBKAN.**

Rosie
MENULIS

